



TEKS UCAPAN



**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2016

DI DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDKK PUTRAJAYA

5 JANUARI 2016

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera, salam 1Malaysia,

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

YB Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah,

Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Sri Alias Bin Hj. Ahmad,

Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali,

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

Yang Berbahagia Dato' Razali Bin Othman
Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Zaidon Bin Hj Asmuni,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Ketua-ketua Agensi, Pengarah-pengarah Bahagian dan Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian

Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

Pendahuluan

- i. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi yang penuh barakah ini pada majlis perhimpunan pertama bagi tahun 2016 pada hari ini. Masih belum terlambat bagi saya untuk mengucapkan selamat tahun baru kepada seluruh warga kementerian serta agensi.
- ii. Semoga tahun 2016 ini menjadi tahun kecemerlangan buat kita semua, namun bukan untuk kita semata-mata, tetapi untuk pengguna keseluruhannya, peniaga keseluruhannya, atau secara tepatnya, rakyat Malaysia yang melebihi 30 juta ini, kerana seluruhnya adalah pengguna.
- iii. Betapa penting dan signifikannya kementerian ini kepada rakyat di negara ini. Kementerian inilah yang menjaga dan melindungi pengguna, kementerian inilah juga yang menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada peniaga, dan yang paling penting, kementerian inilah juga yang berperanan membantu rakyat melalui program-program bagi menangani kos sara hidup.

- iv. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga kerja kementerian ini, agar kejayaan yang telah kita capai pada tahun 2015 yang lalu, dapat kita tingkatkan dan gandakan pada tahun 2016 ini supaya pengguna akan kita terus lindungi, peniaga kita terus dekati , manakala rakyat akan kita terus bantu. Kerana kementerian kita merupakan sebuah '***caring ministry!***'

Kos sara hidup-tumpuan bagi tahun 2016

1. Isu hangat yang menjadi perbualan hangat dalam kalangan rakyat ialah yang melibatkan soal ekonomi dan kos sara hidup.
2. Keadaan ekonomi global tahun 2015 yang lepas seperti kejatuhan nilai mata wang negara, harga minyak dan sebagainya telah memberi impak negatif kepada ekonomi negara yang secara langsung telah meninggalkan kesan terhadap kos sara hidup rakyat.
3. Tanggungjawab utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memberi keutamaan dalam isu kos sara hidup untuk menjaga kepentingan rakyat sejajar dengan prinsipnya sebagai sebuah *caring ministry*.
4. Dalam menangani isu harga barangan dan caj perkhidmatan, kementerian akan terus menjalankan penguatkuasaan pencatutan di mana tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan untuk menaikkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.
5. Pada 18 Januari 2016 akan datang, YAB Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) yang akan memainkan peranannya untuk menangani isu kos sara hidup **secara**

bersepadu dengan pihak NGO Kepenggunaan dan lain-lain pihak kepentingan yang berkaitan. Ini menunjukkan kerajaan memandang perkara ini secara serius dan sentiasa komited di pelbagai peringkat.

6. Seperti tahun 2015 yang lalu, KPDNKK akan terus mengadakan **engagement dan perundingan** merangkumi persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan pengusaha perkhidmatan agar pengguna boleh mendapatkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang lebih rendah di pasaran.

Managing perception

7. Antara pendekatan yang penting dan perlu terus diberi penekanan adalah mengurus persepsi negatif rakyat terutama di media sosial. Matlamat ini boleh dicapai dengan menjadikan pengguna di negara ini sebagai pihak kepentingan kepada KPDNKK.
8. KPDNKK perlu menjadi kementerian yang prihatin supaya masyarakat lebih yakin dan bersama-sama membantu menangani isu berkaitan kepenggunaan.
9. Dalam usaha ini, kita telah memperkenalkan *Friends of KPDNKK* yang akan menjadi satu platform bagi menghimpunkan pengguna di Malaysia bagi tujuan penyebaran maklumat, perkongsian ilmu dan perkara-perkara yang bersifat kepenggunaan. Dan yang lebih penting menjadi mata dan telinga kementerian.

Langkah penjimatan oleh kerajaan

10. Hasil berkaitan minyak kerajaan persekutuan, dijangka menurun. Namun begitu, kerajaan kekal komited untuk mengurangkan paras defisit fiskal ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020.

11. Oleh yang demikian, di samping usaha-usaha meningkatkan hasil kerajaan, pertumbuhan dalam perbelanjaan juga perlu dikawal tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan.
12. Ini bermakna dalam membuat perancangan perbelanjaan bagi bajet 2016, semua kementerian dan agensi perlu mengambil kira pertumbuhan perbelanjaan yang lebih perlahan bukan sahaja bagi tahun 2016 tetapi juga dalam jangka masa sederhana.
13. Kawalan perbelanjaan tersebut boleh dilaksanakan antaranya melalui pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal, menyemak semula keperluan sebenar pengisian jawatan dan bilangan perjawatan, mengelakkan pembaziran serta memastikan pengurusan kewangan yang cekap.

Perdagangan elektronik

14. Kini, pengguna kerap melakukan transaksi secara talian di mana mereka juga mempunyai hak dan mendapat perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 yang sama sepertimana pengguna yang membeli di premis.
15. Ini adalah untuk memastikan urusan penjualan atas talian adalah telus dan pengguna tidak ditindas. Oleh yang demikian, peraturan-peraturan yang digubal oleh kementerian harus mengambil kira kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak juga membebankan para peniaga.

Penggubalan undang-undang

16. Terdapat dua (2) rang undang-undang yang akan dibahaskan di parlimen pada bulan Mac yang akan datang ini. Antaranya adalah:

(a) Rang Undang-Undang Syarikat (pindaan) 2015 dan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan; dan

(b) Rang Undang-Undang Persaingan (pindaan) 2015 yang melibatkan fungsi Tribunal Rayuan Persaingan.

Harapan tahun baru

Kita sedia maklum, KPDNKK sebagai satu entiti pentadbiran negara yang bertanggungjawab perlu menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan penuh prihatin, adil dan saksama. Sebagai sebuah kementerian yang sentiasa dekat dengan permasalahan rakyat, KPDNKK hendaklah sentiasa berusaha untuk berada di hadapan kelok, bersifat sistematik dan pragmatik dalam setiap tindakan serta mahir menilai kemahuan dan kehendak *stakeholders* dan pelanggan.

Rakyat sentiasa menilai prestasi kita semua. Justeru itu, kehendak rakyat perlu sentiasa dihayati dan diberi keutamaan oleh setiap anggota KPDNKK. Semangat untuk sentiasa memberikan yang terbaik ini, telah disemai dan dibajai bagi membentuk satu pasukan KPDNKK yang mantap dengan satu wadah yang sama, iaitu berpaksikan pencapaian, dan berorientasikan rakyat.

Kerajaan menyedari bahawa segala apa yang diaspirasikan tidak akan terjelma dan menjadi realiti tanpa pelaksanaan yang pantas, tepat dan berkesan. Inilah tugas kita semua dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. Kita mesti lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi rakyat. Seperti yang sering disebut, era kerajaan mengetahui segala-galanya sudah berakhir. Jadinya, kerajaan perlu bersifat sebagai pemudahcara (*facilitator*) dan bukannya "*absolute arbiter of wisdom*".

Saya ingin menyarankan beberapa perkara yang perlu diberi keutamaan dalam kita melaksanakan tanggungjawab kita di tahun 2016 yang penuh dengan cabaran ini:

Pertama: Membudayakan kreativiti dan inovasi. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

Kedua : Mementingkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan. Janganlah kita melengahkan apa yang mampu kita laksanakan hari ini kepada hari esok atau lusa. Mengambil petua orang tua-tua, kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan. Kepantasan bertindak dan membuat keputusan seperti ini akan juga meningkatkan "*velocity of money*" atau halaju kitaran wang dalam sistem ekonomi negara.

Ketiga : Nilai untuk wang atau "*value for money*". Dalam aspek ini, pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan kewangan awam. Sesungguhnya, setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat pulangan nilai paling maksima kepada kerajaan dan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan perlu berhemah dalam perbelanjaannya.

Keempat : Nilai integriti. Sesungguhnya, penjawat awam adalah khadam pemelihara kepentingan awam atau "*custodian of the public interest*". Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian tidak memiliki integriti maka kepercayaan dan keyakinan rakyat akan hilang.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh.